



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH  
جامعۃ الانسانيہ  
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN  
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI  
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)  
DI MAJLIS TAKLIMAT BERSAMA WARIS**

**PADA : 03 APRIL 2017**



## **TEKS UCAPAN REKTOR**

### **TAKLIMAT BERSAMA WARIS**

*3 April 2017*

---

BismiLLAH ar-Rahman ar-Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, wassola tu wassalam 'ala sayyidil mursalin,  
wa 'ala aalihi wasahbihi ajmai'n

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam  
Kedah Muafakat.

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdullah bin Osman  
Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa

YBhg. Dato' Hj. Bukhari bin Abdullah  
Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan dan Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Tn. Hj. Abdullah bin Hashim  
Pendaftar

YBrs. En. Mohd Zamri bin Shahdan  
Bendahari

Ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, Kakitangan Akademik & Pentadbiran  
KUIIN seterusnya Para Waris yang diraikan, seterusnya pelajar-pelajar yang  
dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, pertama dan selamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan Nya, dapat kita bersama berkumpul dalam sesi taklimat bersama waris bagi **Kemasukan Sesi Pengajian Akademik April 2017** pada pagi yang berbahagia ini.

Selamat Datang, *Welcome* dan *Ahlan Wasahlan Wamarhaban Bikum* saya ucapkan kepada semua. Tahniah di atas kejayaan para pelajar yang memilih untuk menyertai KUIN sebagai destinasi pendidikan anda.

KUIN menawarkan hampir **42 program** pengajian dari peringkat Pengajian Asasi sehinggalah peringkat Ijazah Doktor Falsafah. KUIN juga terkenal dengan penawaran program-program Pengajian Islam seperti Usuluddin, Syariah & Bahasa Arab dengan Silibus Akademik yang berpandukan Universiti Al-Azhar, Mesir. Selain itu, program seperti Muamalat dan Hospitaliti & Perkhidmatan Halal merupakan antara program yang menjadi perhatian dan pilihan pelajar.

Pihak KUIN juga berusaha gigih untuk memastikan agar pembangunan akademik berjalan lancar, selaras dengan peredaran pembangunan industri pendidikan semasa. Program-program yang ditawarkan di KUIN telah pun mendapat akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan beberapa agensi lain seperti Lembaga Perubatan Malaysia (MMC) dan ini juga bermakna, para hadirin tidak perlu bimbang akan isu pengiktirafan KUIN. Kerangka akademik KUIN yang berkonsepkan **Islamisasi dan Integrasi Ilmu** adalah satu '*niche*' atau keistimewaan.

KUIN bakal melahirkan pakej graduan yang lengkap dengan ilmu duniawi dan ukhrawi serta sentiasa digilap dan diasuh dengan program-program khidmat komuniti yang dilihat mampu untuk memenuhi permintaan kerja hari ini.

Hadirin Sekalian,

Insyallah, dengan prasarana sediada yang serba indah ini, pihak KUIN berusaha sedaya mungkin untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelajar agar terus dapat menikmati pembelajaran yang kondusif dengan suasana kehidupan kampus yang cukup tenang. Kampus yang dilengkapi segala kemudahan merupakan sebuah mercu tanda di bumi Kuala Ketil ini. Di antara prasarana yang ada adalah seperti:

- Bangunan Canselori (Pentadbiran Utama)
- Bangunan Kulliyah
- Dewan Seminar, Bilik Kuliah
- Perpustakaan
- Dewan Besar
- Makmal Komputer
- Makmal Sains
- Dapur Masakan
- Kolej Kediaman Pelajar
- Kafeteria dan Gerai Makanan
- Kedai Serbaneka, Mini Market
- Mesin ATM
- Surau (Setiap Bangunan)
- Kemudahan WiFi (Sekitar Kampus)
- Kompleks Sukan

Pihak KUIN juga turut memberi penekanan terhadap pemeraksanaan tajaan & pembiayaan melalui penubuhan Unit Penajaan & Pusat Khidmat Setempat Pelajar (OSSC) untuk memastikan para pelajar yang mendaftar di KUIN ini akan mendapat seluas-luasnya peluang bantuan kewangan seperti PTPTN, MARA, YPM Biasiswa Negeri, Zakat Negeri & Korporat, Yayasan Negeri & Korporat, Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah dari Agensi Korporat.

Saya juga ingin menarik perhatian para waris sekalian.

Untuk makluman, pelajar yang hadir mendaftar pada hari ini adalah kumpulan pertama yang ditawarkan Derma Siswa Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman untuk pengajian secara percuma, tertakluk kepada terma dan syarat. Alhamdulillah, pihak KUIN amatlah bertuah kerana sentiasa mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Kedah di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah, Menteri Besar Kedah Darul Aman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah KUIN. Besarlah harapan pihak kami agar dengan tawaran hebat ini dapat memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar yang mendaftar pada pagi ini.

Hadirin yang dirahmati Allah.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya juga ingin berkongsi bersama para waris dan juga pelajar berkenaan hala tuju KUIN ke arah sebuah Universiti Penuh. Sebagai makluman, pelbagai usaha telah diambil pihak KUIN untuk merealisasikan hasrat ini dan kini kita berserah dan berdoa kepada Allah SWT untuk keputusan dan kelulusan seterusnya, Insya Allah.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang mendaftar di KUIN pada pagi ini dan mendoakan agar perjalanan pengajian anda akan sentiasa diberkati Allah SWT. Ingatlah bahawa "Kejayaan itu satu perjalanan, bukannya satu perhentian".

Sekian,

WABILLAHl TAUFIK WAL HIDAAYAH, WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHl WABARAKAATUH.